

31 MAY 2000

Mahathir-Pelancongan

KERAJAAN PUSAT PERTIMBANG LANGKAWI SEBAGAI BANDARAYA PELANCONGAN

LANGKAWI, 31 Mei (Bernama) -- Kerajaan pusat akan mempertimbangkan permohonan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai Bandaraya Pelancongan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

Beliau berkata permohonan kerajaan negeri Kedah itu akan dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan di peringkat persekutuan dan beliau mahu mereka yang terlibat dalam urusan memberi status berkenaan melihat permohonan itu dengan positif.

"Saya berharap dengan memperolehi status Bandaraya Pelancongan, Langkawi akan lebih maju," katanya semasa melancarkan Fiesta Langkawi, sempena menyambut ulang tahun ke-10 Lembaga Pembangunan Langkawi, di sini.

Dalam ucapannya sebelum itu, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain meminta kerajaan persekutuan mempercepatkan urusan menjadikan Langkawi sebagai Bandaraya Pelancongan.

Beliau berharap Langkawi dapat menjadi seperti Melaka yang telah memperolehi status itu.

Syed Razak berkata Langkawi memerlukan status berkenaan supaya ia dapat ditadbir secara profesional selain mendapat peruntukan dan kakitangan secukupnya untuk menjadikannya destinasi pelancongan antarabangsa.

Dr Mahathir juga berkata dalam usaha menarik pelancong, Langkawi harus mengekalkan keindahan alam semulajadi seperti pantai, pulau, gunung-ganang dan sawah padi.

Katanya Langkawi boleh menjadi seperti Bali di Indonesia yang menggunakan keindahan alam semulajadinya sebagai daya tarikan pelancongan.

"Langkawi harus dibangunkan supaya agak berbeza daripada bandar sebab itu keindahan alam semulajadi harus dikekalkan. Pelancong datang untuk menyaksikan keindahan alam. Kalau mereka nak tengok bangunan di mana sahaja ada.

"Saya percaya kerajaan negeri akan terus membangunkan pulau ini menjadi sebagai destinasi pelancongan nombor wahid (satu)," katanya.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut melancarkan buku tulisan Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail yang bertajuk "The Legends of Langkawi" serta diperkenalkan kepada Aishah Nawawi, generasi ketujuh Mahsuri.

Pelbagai acara dipersembahkan pada fiesta itu antaranya pertunjukkan bunga api dan kebudayaan.

-- BERNAMA

MZM/NH zb